

Bonus pekerja bank belum selesai, Kerajaan digesa masuk campur

Akhir sekali kami minta pihak Perdana Menteri tengok-tengokkan kami pekerja-pekerja swasta ini kerana dengan keuntungan sektor swasta, kerajaan juga akan mendapat keuntungan.

■ MOHAMMAD SYAIFUL KARIM

TAMAN SEGAR-Permintaan agar bonus kakitangan pekerja-pekerja bank tidak dimansuhkan masih belum selesai walaupun hampir dua bulan lalu ahli-ahli National Union Of Bank Employees (NUBE) berpiket.

Bagi mendapatkan hak pekerja-pekerja bank, NUBE telah berusaha dengan pelbagai cara, tahu dengan berpiket dan me-




AZIZ ABU KASIM

nampaikan pelekat pada kereta yang bewarna kuning dengan perkataan "Maybank ROMPAK Bonus Pekerja".

Menurut ahli NUBE, Aziz Abu Kasim, tujuannya pelekat kereta yang tertera dengan perkataan "Maybank ROMPAK Bonus Pekerja" adalah untuk menunjukkan kepada pelanggan bahawa ahli NUBE memprotes mengenai bonus pekerja-pekerja bank yang ditahan. "Protes ini dipanggil "protes bergerak", kerana semua ahli NUBE akan dibekalkan dengan pelekat kereta tersebut dan ditampal pada kereta masing-masing," katanya.

Saya harap kepada CEO bank-bank tertamanya CEO maybank "tolong buka mata dan jangan buta hati" kerana kami makan gaji, hujung tahun pertukaran perbelanjaan



Kereta ahli NUBE ditampal dengan pelekat yang bertulis "Maybank ROMPAK Bonus Pekerja".

yang lebih untuk membuat persiapan anak-anak yang akan memulakan perskolahan pada awal tahun," tegasnya.

Tinjauan sinar harian mendapati terdapat kereta yang ditampal pelekat kereta dengan tertera perkataan "Maybank ROMPAK Bonus Pekerja" diletakkan di hadapan Maybank Taman Segar di sini pada malam hari yang menandakan NUBE akan tetap memperjuang-

kan hak pekerja-pekerja bank di negara ini.

Ujarnya lagi, "Pekerja-pekerja bawah banyak buat kerja luar seperti duka payung di luar untuk menarik pelanggan dan memberikan keuntungan kepada bank tersebut, tetapi

sebaliknya pekerja bawah-an yang merana."

"Akhir sekali kami minta pihak Perdana Menteri tengok-tengokkan kami pekerja-pekerja swasta ini, kerana dengan keuntungan sektor swasta, kerajaan juga akan men-

depat keuntungan," beliau menambah.

"Harap CEO-CEO bank tidak menahan bonus tahunan pekerja-pekerja bank, NUBE akan terus memperjuangkan agar hak kami diberikan," menurutnya lagi.